

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes baharu hampiri angka 7,000

Kadar Rt kembali meningkat melebihi paras ambang 1.0 dua hari berturut-turut

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kes harian COVID-19 semalam melonjak hampir 7,000 kes apabila 6,988 kes dilaporkan dengan 84 kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes

berkenaan menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini meningkat kepada 758,967 kes.

Katanya, Selangor kekal menjadi negeri tertinggi melaporkan kes baharu semalam dengan 2,885 kes, diikuti Kuala Lumpur (988); Negeri Sembilan (692); Sarawak (544); Melaka (311); Johor (270); Kedah (250) dan Sabah (232).

"Semua negeri mencatatkan pertambahan kes hari ini (semalam) dan hanya Perlis mencatatkan kes satu digit, iaitu satu kes.

"Pertambahan kes hari ini (semalam) menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan COVID-19 di negara ini 65,453 kes.

"Daripada jumlah itu, 917 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 445 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari se-

malam, terdapat 5,580 kes sem- buh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini 688,260 kes.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, trend peningkatan kes harian COVID-19 di negara ini sejak sembilan hari lalu menyaksikan kadar kebolehsangkitan (Rt) pandemik itu kembali meningkat melebihi paras ambang 1.0 untuk dua hari berturut-turut.

Beliau berkata, Rt mengikut kes harian untuk seluruh negara adalah 1.05 kelmarin, meningkat daripada 1.04 Selasa lalu.

Nilai dicatatkan itu adalah Rt tertinggi dalam tempoh 28 hari selepas mencatatkan 1.06 pada 3

Jun lalu, sebelum menurun ke paras terendah bulan lalu, 0.90 pada 12 Jun, namun kembali meningkat sejak itu.

Data dikongsi Dr Noor Hisham di Facebook semalam juga menunjukkan enam negeri mencatat Rt melebihi purata kebangsaan antara 1.07 hingga 1.19 iaitu Pahang (1.19), disusuli Putrajaya (1.09), Melaka (1.09), Perak (1.08), Kuala Lumpur (1.07) dan Negeri Sembilan (1.06).

Selangor mencatat 1.05, sama purata kebangsaan, manakala Rt terendah direkod-

kan Terengganu dengan 0.67. Nilai Rt merujuk tahap kebolehsangkitan kes COVID-19 iaitu berapa ramai boleh dijangkiti

oleh satu kes positif, contohnya nilai Rt 1.5, bererti satu kes positif boleh menyebarkan kepada seorang atau dua orang lain.

Trend peningkatan penularan pandemik itu di Malaysia juga menyaksikan jumlah kes-harian ketika ini, 'lari' daripada unjuran kes dilaksanakan Kementerian Kesihatan (KKM).

Model SEIR Pemerhatian dan Unjuran Kes COVID-19 KKM mengunjurkan kes harian wabak itu mencecah sekitar 5,000 pada hujung bulan lalu, namun kes harian kembali meningkat melebihi 6,000 untuk dua hari berturut-turut sejak Selasa lalu.

Kes harian tertinggi direkod bulan lalu adalah 8,209 pada 3 Jun, namun angka itu menurun ke paras terendah, iaitu 4,611 pada 21 Jun, namun kes kembali meningkat selepas itu kepada 6,437 pada 29 Jun dan 6,276 pada 30 Jun.



Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

8 juta sudah vaksin

2.3 juta rakyat lengkap dua dos

Kuala Lumpur

Sebanyak 8,083,685 dos vaksin diberikan kepada penduduk di negara ini setakat kelmarin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, 2,309,018 orang menerima dos kedua, sekali gus melengkapkan vaksinasi mereka.

"Sebanyak 258,773 dos vaksin Covid-19 diberikan kelmarin, melibatkan pemberian 163,756 dos pertama dan 95,017 dos kedua," katanya dalam hantaran Twitter, semalam.

Katanya, lima negeri mencatatkan penerimaan kedua-dua dos tertinggi ialah Selangor dengan 303,050 orang, diikuti Sarawak (250,011), Johor (244,400), Perak (209,174) dan Kuala Lumpur (198,655).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

6,988 kes baharu, catat 84 kematian

Kuala Lumpur: Jumlah kes baharu Covid-19 yang dilaporkan, semalam mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 6,988 kes berbanding 6,276 kes, kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 758,967 kes dengan kes aktif 64,453.

Menurutnya, Selangor kekal merekodkan kes harian tertinggi iaitu 2,885 kes diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (988 kes) dan Negeri Sembilan (692 kes).

"Seramai 917 pesakit Covid-19 menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 445 orang memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 84 kes kematian dilaporkan hari ini (semalam) menjadikan ju-

mlah kumulatif kematian akibat Covid-19 meningkat kepada 5,254 kes," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 46 kes di Selangor; Kuala Lumpur (6); Negeri Sembilan (6); Johor (6); Sabah (5); Sarawak (4); Melaka (4); Labuan (3); Pahang (2) dan masing-masing satu kes di Terengganu serta Putrajaya.

"Kematian baharu itu terdiri daripada 48 lelaki dan 36 wanita berusia antara 23 hingga 90 tahun. Mereka adalah 77 warganegara manakala tujuh bukan warganegara," katanya.

Selain itu, katanya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 5,580 kes sembuh baharu menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 688,260 kes.

Penularan 4 varian baharu di 10 negeri

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan penularan 28 kes baharu membabitkan empat varian Covid-19 yang berlaku di 10 negeri.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, surselaran bagi tempoh 23 Jun sehingga kelmarin mengesan 18 kes Delta (B.1.617.2); lima kes varian Beta (B.1.351); tiga kes varian Kappa (B.1.617.1) dan dua kes varian Alpha (B.1.1.7).

"Kes varian Delta (B.1.617.2) yang dilaporkan merangkumi empat kes di

Kuala Lumpur; masing-masing tiga kes di Labuan dan Negeri Sembilan manakala masing-masing dua kes di Pahang, Sabah, Melaka serta Kedah.

"Selain itu, dua kes baharu bagi varian Beta (B.1.351) pula dikesan di Pahang dan masing-masing satu kes di Melaka, Terengganu serta Selangor.

"Tiga kes baharu varian Kappa (B.1.617.1) dikesan di Johor, manakala dua kes varian Alpha (B.1.1.7) dikesan di Sabah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NEGARA

Orang ramai harap kes positif di Selangor, Kuala Lumpur turun secara drastik

'Sepatutnya PKPD dibuat lebih awal'

Oleh ZULKIFLI MANZOR


PETALING JAYA – Pengumuman kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur mendapat reaksi pelbagai daripada orang ramai.

Rata-rata mereka menyokong keputusan itu dan menaruh harapan agar kes positif di dua negeri itu yang semakin membimbangkan akan berlaku penurunan ketara.

Malah, tidak kurang juga yang menyifatkan tindakan berkenaan sepatutnya dilakukan lebih awal sekali gus mengekang penularan wabak berkenaan.

Sehingga semalam, Selangor mencatatkan 2,885 individu positif, manakala Kuala Lumpur sebanyak 988 kes.

Seorang penduduk di Balakong, Mohd. Fauzan Ismail, 41, berkata, dia menyokong penuh keputusan Selangor dikenakan PKPD memandangkan kes setiap hari melebihi 2,000, namun berasa kurang yakin tentang pematuhannya dalam



kalangan orang ramai.

Menurutnya, total lockdown yang dilaksanakan sebelum ini juga menyaksikan orang ramai

masih bebas ke sana sini tanpa sebarang rasa bimbang.

Katanya, jika situasi sama berlaku, maka PKPD juga tidak akan

berkesan untuk menurunkan kadar jangkitan Covid-19.

"Saya percaya ini (PKPD) yang terbaik dan berharap supaya penduduk di negeri ini dan Kuala Lumpur dapat mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan," katanya semalam.

Bagi Tahir Sengor, 50, sekatan yang dikenakan susulan PKPD sesuatu yang masih boleh diterima dan tidak terlalu menekan orang ramai kerana kedai makan dan runcit masih dibuka.

"Namun, keadaan mungkin agak sukar buat golongan peniaga. Mereka baru sahaja beberapa hari dapat berniaga sehingga pukul 10 malam dan kini terpaksa tutup pukul 8 malam," ujarnya.

Dalam pada itu, Tahir berkata, ramai yang mempersoalkan mengapa baru sekarang PKPD dikuatkuasakan selepas jumlah kes menghampiri angka 7,000.

Ujarnya, langkah berkenaan sepatutnya lebih awal diputuskan kerana Selangor antara negeri paling banyak kes jangkitan Covid-19.

Seorang suri rumah yang

mahu dikenali sebagai Akmam, 42, memberitahu, dia kluatir mengenai anaknya seorang autisme.

Jelasnya, anaknya perlu dibawa keluar rumah untuk mengurangkan *tantrum*.

"Bila difikirkan payah juga untuk menempuhi tempoh beberapa minggu ini," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang remis, Mohd. Al Adzha Johar berkata, ramai pihak bakal berdepan kesukitan kerana hanya seorang dibenarkan keluar rumah seterusnya mengganggu urusan termasuk membeli barang.

"Tindakan lambat diambil. Patut dua bulan lepas dah buat. Luar negara ada yang dah kembali stabil," ujarnya.

Sementara itu, Mohd. Taufiq Manap, 42, memberitahu, dia percaya sektor perkilangan perlu ditutup sepenuhnya kerana ia bakal menjejaskan keberkesanan PKPD yang dilakukan di Selangor.

"Selangor kawasan perindustrian dan banyak kilang. Kita patut buat seperti PKP 1.0 dan sebab itu saya kurang yakin keberkesanan PKPD ini," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kes harian hampir 7,000, sebanyak 84 kematian lagi direkodkan

Tiada tanda kes akan turun

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kes harian negara tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda akan turun selepas merekodkan sebanyak 6,988 penularan baharu semalam.

Semalam hari ketiga kes baharu melebihi angka 6,000 dengan kelmarin sebanyak 6,276 dan sehari sebelumnya sebanyak 6,437.

Seluruh negara telah melalui tempoh total lockdown selama sebulan bermula pada 1 Jun lalu.

Pesakit sedang dirawat dan diasingkan juga terus meningkat kepada 65,453 kes termasuk 917 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dan 445 lagi memerlukan alat bantuan pernafasan.

Angka sembuh harian pula merekodkan 5,580 kes dengan jumlah keseluruhan pesakit sembuh sebanyak 688,260 kes.

Terdapat 84 lagi kes kematian termasuk tujuh warga asing berusia antara 23 hingga 90 tahun dan jumlah keseluruhan kes kematian sebanyak 5,254 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 21 kluster baharu dikenal pasti melibatkan 11 kluster tempat kerja, lapan kluster komuniti dan satu kluster kumpulan berisiko tinggi.

"Ia terdiri daripada Kluster Dah Batik Industri Sungai Petani



PROSES vaksinasi yang dikendalikan oleh sukarelawan QueMeds di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Ideal Convention Centre Shah Alam, baru-baru ini. – ZULFADHLI ZAKI

(35 kes), Kluster Dah Mawar Biru (12), Kluster Dah Lima Industri Sungai Petani (34), Kluster Industri MIEL Bayan Lepas (15) dan Kluster Lorong Perusahaan Maju Lapan (sembilan).

"Seterusnya, Kluster Jalan Perusahaan Maju Lapan (sembilan), Kluster Jalan Perusahaan Maju Sembilan (13), Kluster Industri Balakong Empat (23), Kluster Industri Perusahaan Selesa Jaya

(13) dan Kluster Jalan Sin Chew Kee (sembilan)," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Selain itu, katanya, Kluster Kampung Telok Kemang (31), Kluster Jalan Industri Enam Jelapang (lapan), Kluster Kampung Tengah Tanah Merah (lapan), Kluster Kampung Redang Gunung (sembilan) dan Kluster Kampung Bagus (lapan).

"Selebihnya ialah Kluster

Kampung Hutan Banggol (15), Kluster Taman SP Mahang (8), Kluster Seri Semarak (72), Kluster Nahaba 2 (27), Kluster Dah Tanjong Setol (31), Kluster Jalan Lagenda (18) dan Kluster Jalan Residensi (29)," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak 28 kes varian baharu virus SARS-CoV-2 dilaporkan antara 23 hingga 30 Jun lalu dengan 25 kes

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes Baharu	6,988
Import	5
Tempatan	6,983
Pulih	5,580
Kematian	84
Masih dirawat	65,453
Jumlah kes sembuh	688,260
Jumlah Kematian	5,254
Jumlah kes keseluruhan	758,967

adalah variant of concern (VOC), manakala tiga kes lagi adalah variant of interest (VOI).

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 18 kes adalah varian Delta (India) sublineage B.1.617.2, varian Kappa (India) sublineage B.1.617.1 (tiga), varian Beta (Afrika Selatan) (B.1.351) (lima) dan varian Alpha (United Kingdom) (B.1.1.7) (dua).

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus yang dikategorikan sebagai VOC dan VOI adalah sebanyak 217 kes," katanya.

Tambah beliau, daripada jumlah 217 kes yang dikesan sehingga kini, sebanyak 198 kes adalah VOC, manakala 19 kes pula adalah VOI.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Seminggu rekod 18 kes dengan empat kematian

Varian Delta pantas merebak

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia merekodkan peningkatan membimbangkan kes jangkitan varian Delta Covid-19 apabila sebanyak 18 kes dikesan dalam tempoh seminggu dengan empat daripadanya melibatkan kes kematian.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, jumlah itu antara 25 kes jangkitan varian membimbangkan (VOC) melalui surveilans genomik dijalankan dari 23 Jun hingga semalam oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) yang melaksanakan jujukan genom penuh ke atas 28 sampel Covid-19.

Menurut beliau, jumlah kes varian Delta itu menunjukkan peningkatan membimbangkan berbanding kes VOC lain iaitu lima kes varian Beta, dua kes varian Alpha selain tiga kes varian berkepentingan (VOI) Kappa.

Kata Dr. Adham, pada masa ini data dari United Kingdom (UK) menunjukkan varian Delta mempunyai kadar kebolehjangkitan

lebih tinggi berbanding Alpha iaitu 60 peratus dan boleh jangkiti lebih ramai orang.

Ini dibuktikan dalam tempoh seminggu sebelumnya iaitu dari 11 hingga 22 Jun, kes VOC hanya merekodkan sembilan kes varian Delta.

Beliau berkata, daripada kes kematian jangkitan varian Delta dalam tempoh terbaharu ini, tiga kematian adalah melibatkan kes kematian di rumah (BID) yang dikesan di Labuan manakala satu kes kematian membabitkan warga asing di Kuala Lumpur.

"Sebanyak satu kes jangkitan

melibatkan petugas kesihatan di Negeri Sembilan dan masing-masing tiga kes dikesan daripada kluster komuniti di Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur dan Kluster Pedas, Negeri Sembilan.

"Selain itu masing-masing dua kes di Melaka, Kluster Ocean Blue, Sabah dan Kluster Dah Bukit Makmur, Kedah dan satu kes dari Kluster Rantau Kenanga, Pahang," katanya di sini semalam.

Dr. Adham memberitahu, bagi kes varian Beta, ia melibatkan masing-masing satu kes melibatkan petugas kesihatan

di Terengganu serta petugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Kluster Delima Raya dan Kluster Jaya Gading, Pahang.

Beliau memberitahu, bagi kes jangkitan varian Alpha pula melibatkan dua kes kontak di Sabah manakala tiga kes jangkitan varian Kappa membabitkan petugas kapal laut, Johor.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes Covid-19 jangkitan VOC setakat ini sebanyak 136 kes varian Beta, 40 kes varian Delta dan 10 kes varian Alpha, manakala jumlah VOI yang dikesan ialah dua kes varian Eta dan empat kes varian Kappa," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Adham berkata, data dari Public Health England yang diterbitkan pada 22 Mei lalu menunjukkan dua vaksin yang digunakan di UK iaitu Pfizer dan AstraZeneca masih mampu memberi perlindungan terhadap jangkitan varian Delta walaupun terdapat sedikit pengurangan dalam keberkesannya.

"Dua dos vaksin Pfizer mampu memberi perlindungan sebanyak 88 peratus apabila dijangkiti dengan varian Delta berbanding dengan perlindungan sebanyak 93 peratus sekiranya dijangkiti dengan varian Alpha," katanya.



“**Pada masa ini data dari United Kingdom (UK) menunjukkan varian Delta mempunyai kadar kebolehjangkitan lebih tinggi berbanding Alpha...**”

ADHAM BABA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION

Almost 7,000 cases recorded yesterday

KUALA LUMPUR: The country's Covid-19 infections continue to soar with almost 7,000 new cases recorded yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, in a statement yesterday, said the 6,988 new infections had pushed the nation's cumulative total to 758,967 cases.

Over 40 per cent of infections recorded yesterday were from Selangor (2,885 cases), followed by Kuala Lumpur (988), Negri Sembilan (692), Sarawak (544) and Melaka (311). Only five new cases reported yesterday were imported, with 6,983 cases coming from local transmissions.

Another 84 people died from the virus in the past 24 hours, bringing the total number of deaths to 5,254.

A total of 917 patients were admitted to intensive care units at hospitals nationwide, with 445 requiring breathing assistance. The ministry also reported 5,580 recoveries and the patients had been allowed to return home.

Dr Noor Hisham said workplace-linked clusters formed 11 out of the 21 new Covid-19 clusters detected yesterday.

The remaining nine clusters were community clusters along with one high risk cluster, he said.

The workplace clusters were the Dah Batik Industri Sungai Petani; Dah Mawar Biru; Dah Lima Industri Sungai Petani; Industri MIEL Bayan Lepas; Lorong Perusahaan Maju Lapan; Jalan Perusahaan Maju Sembilan; Industri Balakong Empat; Industri Perusahaan Selsa Jaya; Jalan Sin Chew Kee; Kampung Telok Kemang and the Jalan Industri Enam Jelapang clusters.

Among the workplace clusters, the Dah Batik Industri Sungai Petani cluster in Kuala Muda, Kedah, contributed the highest number of cases yesterday at 35.

Meanwhile, five of the nine community clusters were identified in Kelantan, namely the Kampung Tengah Tanah Merah; Kampung Redang Gunong; Kampung Bagus; Kampung Hutang Banggol and the Taman SP Mahang clusters.

The remaining four community clusters were Seri Semarak in Kuala Lumpur; Nahaba 2 in Sabah; Dah Tanjung Setol in Kedah and Jalan Lagenda in Johor.

The Seri Semarak cluster, which was detected after a targeted community screening among residents in the locality, logged the highest number of new infections (72 cases).

Penang also reported the Jalan Residensi high-risk cluster, which was detected in the southwest district.

Dr Noor Hisham added that the country had 887 active Covid-19 clusters. He said the Health Ministry also detected 28 cases linked to SARS-CoV-2 variants between June 23 and June 30, comprising 25 cases of variants of concern (VOC) and three cases of variants of interest (VOI).

He said the 28 VOC cases consist of 18 Delta variant cases (B.1.617.2), five Beta variant cases (B.1.351), three Kappa variant cases (B.1.617.1) and two Alpha variant cases (B.1.1.7).

"In total, 217 cases have been classified as VOC and VOI. Of the total, 198 are VOC cases and 19 are VOI cases," he said.

Up to Wednesday, the Beta variant had led to the highest number of locally transmitted infections nationwide (147 cases), with Selangor alone accounting for 46 cases. Among the VOI, the Theta variant (P.3) contributed the most number of infections, with all 12 locally transmitted cases detected in Sarawak.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah